

Title : PENGGUNAAN KAMUS ELEKTRONIK BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN DAN FAKULTI ILMU
WAHYU UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Author(s) : WAN MUHAMAD AMIRUL HISYAM BIN WAN YUSAINI

Institution : ISLAMIC INTERNATIONAL UNIVERSITY MALAYSIA

Category : Opinion, Competition

Topic : Education

**PENGGUNAAN KAMUS ELEKTRONIK BAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN DAN FAKULTI ILMU WAHYU UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA MALAYSIA**

PENDAHULUAN

Kepelbagaian dalam perbendaharaan kata merupakan salah satu elemen yang amat penting dalam mempelajari bahasa asing terutamanya Bahasa Arab. Terdapat pelbagai kaedah untuk mempelajarinya dan salah satunya adalah melalui internet di mana ianya berkembang pesat pada era teknologi kini. Justeru itu, kamus elektronik merupakan medium yang amat fleksibel dan bersesuaian dengan kehendak pelajar bagi memudahkan mereka mengakses pada bila-bila masa sahaja. Kelebihan ini jelas dapat menandingi penggunaan kamus tradisional di mana ianya agak sukar untuk digunakan kerana sifatnya sendiri yang agak berat dan sukar diakses terutamanya dalam pandemik COVID19 dek keterbatasan untuk pergi ke perpustakaan dan sebagainya. Selain itu, bagi melahirkan pelajar yang sentiasa berfikiran lebih kritis, medium internet tidak dinafikan lagi dapat merangsang pemikiran pelajar dengan menyajikan pelbagai aplikasi, laman sesawang, dan lain-lain untuk diakses dan diuji dalam mempelajari Bahasa Arab. Menurut kajian, evolusi format kamus telah berkembang seiring dengan penggunaan teknologi yang serba canggih kini. Bermula dari sehelai kertas, kemudian kepada kamus poket elektronik, seterusnya kamus pada CD ROM, dan akhirnya menuju ke puncak teknologi iaitu kamus atas talian. Jangkaan daripada penganalisa juga menunjukkan bahawa kamus Inggeris Oxford pada edisi yang akan datang berkemungkinan tidak akan diterbitkan secara bercetak, namun hanya boleh didapati secara atas talian sahaja. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan kamus elektronik amatlah diperlukan bagi membantu para pelajar mendalami sesebuah bahasa asing terutamanya dalam situasi yang penuh dengan cabaran kini.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat empat objektif kajian yang hendak dicapai, iaitu:

1. Untuk mengkaji jenis aktiviti bahasa di mana pelajar sering gunakan kamus dalam talian.
2. Untuk mengetahui jenis perkataan dalam Bahasa Arab yang sering dilihat oleh pelajar dalam kamus dalam talian.
3. Untuk mengkaji sebab-sebab pelajar sering menggunakan kamus dalam talian.
4. Untuk mengetahui perbezaan sebab dalam menggunakan kamus elektronik di antara pelajar Fakulti Pendidikan dan pelajar Fakulti Ilmu Wahyu.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian merupakan aspek perancangan yang sangat penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Pengkaji menjalankan tinjauan ke atas sampel atau keseluruhan populasi untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri-ciri dalam populasi tersebut. Sampel diambil bertujuan untuk memberikan informasi yang cukup supaya dapatan dapat menggambarkan jumlah populasinya. Pengkaji memilih Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kerana lokasi ini berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Oleh itu, hal ini bertepatan dengan faktor kewangan, keterbatasan masa dan juga tenaga. Berdasarkan jumlah populasi di kawasan kajian yang dijalankan, saiz sampel adalah ditentukan dengan merujuk kepada jadual Raosoft. Menurut jadual tersebut, jika populasi berjumlah 737 orang, maka sampel sekurang-kurangnya 120 orang. Aras signifikan yang ditetapkan dalam kajian ini adalah $\alpha = 0.07$. Bagi memudahkan proses pemerolehan data untuk kajian ini, instrumen soal selidik telah dipilih. Soal selidik diadaptasi daripada kajian Nicharak Asswachaipaisan (2014). Setelah dibuat kajian rintis, nilai alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.922. Hal ini bermakna item soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Semua data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS) versi 20.0. Analisis deskriptif telah digunakan bagi mengenal pasti taburan kekerapan, sisihan piawai, dan purata bagi kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 120 orang pelajar yang terdiri daripada Fakulti Pendidikan dan Fakulti Ilmu Wahyu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Soal selidik telah diedarkan secara rawak dalam talian melalui "WhatsApp Group" bagi Fakulti Pendidikan dan Fakulti Ilmu Wahyu. Jadual 1 menunjukkan sebanyak 62.5% pelajar dari Fakulti Pendidikan dan 37.5% pelajar dari Fakulti Ilmu Wahyu yang telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini.

Kumpulan	Jumlah	Peratusan
Fakulti Pendidikan	75	62.5
Fakulti Ilmu Wahyu	45	37.5
Jumlah	120	100

Jadual 1 : *Demografi sampel kajian mengikut fakulti*

JENIS AKTIVITI BAHASA DI MANA PELAJAR SERING GUNAKAN KAMUS DALAM TALIAN

Hasil kajian mendapati bahawa jenis aktiviti bahasa di mana pelajar sering gunakan kamus dalam talian pada keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan Jadual 2, analisis data kajian menunjukkan dua item memberikan interpretasi min yang sangat tinggi dan tiga item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan jenis aktiviti bahasa di mana pelajar sering gunakan kamus dalam talian. Item 2,4, dan 5 memberikan skor min antara 3.05 hingga 3.52 yang menunjukkan jenis aktiviti bahasa pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 1 dan 2 masing-masing memberikan skor min 3.71 dan 4.33, yang menunjukkan jenis aktiviti bahasa bagi kedua-dua item ini berada pada tahap yang sangat tinggi.

	Item	Min.	Sisihan Piawai	Tahap Kekerapan
<i>Saya menggunakan kamus elektronik ketika:</i>				
1	Membaca buku teks Bahasa Arab	3.71	1.01	Sangat tinggi
2	Membaca teks lain dalam Bahasa Arab	3.52	1.08	Tinggi
3	Membuat tugas dan latihan dalam Bahasa Arab	4.33	0.87	Sangat tinggi
4	Bercakap dengan orang asing dalam Bahasa Arab	3.05	1.08	Tinggi
5	Mendengar muzik atau berita dalam Bahasa Arab	3.37	1.15	Tinggi
	Min keseluruhan	3.60	1.04	

Jadual 2: *Jenis Aktiviti Bahasa di Mana Pelajar Sering Gunakan Kamus dalam Talian*

JENIS PERKATAAN DALAM BAHASA ARAB YANG SERING DILIHAT OLEH PELAJAR DALAM KAMUS DALAM TALIAN

Jadual 3 menunjukkan kekerapan perbendaharaan kata yang berbeza dicari oleh responden. Didapati bahawa jumlah responden yang paling tinggi sering mencari perkataan dalam Bahasa Arab yang penting untuk tugas yang mereka laksanakan ($x = 4.2$). Sebaliknya, jumlah terendah ialah mencari perkataan teknikal dalam Bahasa Arab ($x = 3.64$). Mereka juga sering mencari perkataan akademik dalam Bahasa Arab ($x = 4.1$) dan mencari perkataan yang sering digunakan dalam Bahasa Arab ($x = 3.73$).

	Item	Min.	Sisihan Piawai	Tahap Kekerapan
<i>Saya menggunakan kamus elektronik untuk mencari:</i>				
6	Perkataan yang sering digunakan dalam Bahasa Arab	3.73	0.95	Sangat tinggi
7	Perkataan akademik dalam Bahasa Arab	4.1	0.89	Sangat tinggi
8	Perkataan teknikal dalam Bahasa Arab	3.64	1.08	Tinggi
9	Sebarang perkataan Bahasa Arab yang penting untuk tugas yang saya laksanakan	4.2	0.88	Sangat tinggi

	Min keseluruhan	3.92	0.95	
--	-----------------	------	------	--

Jadual 3: Jenis Perkataan dalam Bahasa Arab yang Sering Dilihat oleh Pelajar dalam Kamus atas Talian

SEBAB-SEBAB PELAJAR SERING MENGGUNAKAN KAMUS DALAM TALIAN

Jadual 4 menunjukkan klasifikasi sampel kajian mengikut sebab pelajar sering menggunakan kamus elektronik. Kebanyakan pelajar menggunakan kamus elektronik disebabkan untuk mencari makna perkataan Bahasa Arab yang tidak diketahui dengan min (4.42), manakala paling sedikit pelajar menggunakan kamus elektronik untuk mencari perkataan berlawanan dalam Bahasa Arab dengan min (3.9). Rata-rata keseluruhan min adalah 4.1.

	Item	Min.	Sisihan Piawai	Tahap Kekerapan
<i>Saya menggunakan kamus elektronik untuk:</i>				
10	Memeriksa ejaan perkataan dalam Bahasa Arab	4.21	0.95	Sangat tinggi
11	Mendengar sebutan perkataan Bahasa Arab	4.19	0.96	Sangat tinggi
12	Memeriksa sebutan Bahasa Arab	4.09	0.97	Sangat tinggi

13	Memeriksa bentuk lain bagi sesebuah perkataan Bahasa Arab	4.07	0.99	Sangat tinggi
14	Mencari makna perkataan Bahasa Arab yang tidak diketahui	4.42	0.81	Sangat tinggi
15	Memeriksa kesahihan makna perkataan Bahasa Arab	4.23	0.91	Sangat tinggi
16	Memeriksa kewujudan perkataan Bahasa Arab	4.04	1.04	Sangat tinggi
17	Mencari perkataan Bahasa Arab yang mempunyai makna yang sama	4.07	0.85	Sangat tinggi
18	Mencari perkataan berlawanan dalam Bahasa Arab	3.9	1	Sangat tinggi
19	Memeriksa penggunaan perkataan Bahasa Arab di dalam ayat	3.92	1.07	Sangat tinggi
20	Mencari contoh ayat bagi penggunaan perkataan Bahasa Arab	3.93	1.07	Sangat tinggi

	Min keseluruhan	4.1	0.97	Sangat tinggi
--	-----------------	-----	------	---------------

Jadual 4: *Sebab-Sebab Pelajar Sering Menggunakan Kamus dalam Talian*

ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN SEBAB DALAM MENGGUNAKAN KAMUS ELEKTRONIK DI ANTARA PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN DAN PELAJAR FAKULTI ILMU WAHYU.

Penyelidik menggunakan ujian T-sampel bebas untuk mengkaji perbezaan antara pelajar di Fakulti Pendidikan dan pelajar di Fakulti Ilmu Wahyu dari segi sebab penggunaan kamus elektronik. Kajian ini merangkumi 120 orang responden pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua fakulti tersebut berdasarkan nilai t-statistik (0.488). Nilai ini lebih kecil berbanding nilai minimum yang diperlukan untuk mewujudkan perbezaan yang signifikan secara statistik iaitu (1.96). Keduanya adalah berdasarkan nilai petunjuk di mana ianya (0.655), iaitu melebihi daripada nilai maksimum bagi mewujudkan perbezaan iaitu (0.05). Walaupun min bagi sebab penggunaan kamus elektronik untuk pelajar di Fakulti Pendidikan ialah (3.48), di mana nilainya lebih rendah berbanding min pelajar dari Fakulti Ilmu Wahyu iaitu (3.79), ianya hanya menunjukkan signifikan secara statistik yang amat kecil. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah tidak ada perbezaan antara pelajar di Fakulti Pendidikan dan pelajar dari Fakulti Ilmu Wahyu dari segi sebab penggunaan kamus elektronik.

Kumpulan	Min	Nilai T	Nilai Petunjuk	Tahap Petunjuk
Fakulti Pendidikan	3.48	0.488	.655	Tiada signifikan

Fakulti Ilmu Wahyu	3.79			
--------------------	------	--	--	--

Jadual 5: Purata Aritmatik dan Nilai T

PERBINCANGAN

JENIS AKTIVITI BAHASA DI MANA PELAJAR SERING GUNAKAN KAMUS DALAM TALIAN

Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa responden menggunakan kamus elektronik untuk tujuan aktiviti yang pelbagai dalam memahami sesuatu perkataan dalam bahasa asing. Pertamanya, kebanyakan responden menggunakan kamus dalam talian ketika membuat tugas dan latihan dalam Bahasa Arab. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana kedua-dua fakulti pengajian ini menggunakan Bahasa Arab sebagai medium harian untuk pembelajaran dan pengajaran di universiti. Kedua tertinggi adalah aktiviti membaca buku teks Bahasa Arab. Kebanyakan istilah yang digunakan di dalam buku teks dan buku rujukan Bahasa Arab adalah susah dan jarang ditemui. Oleh itu, penggunaan kamus elektronik amatlah membantu pelajar bagi memahami makna yang tepat dan bersesuaian dalam konteks ayat. Namun demikian, hasil kajian telah menunjukkan bahawa responden amat kurang dalam penggunaan kamus elektronik ketika berkomunikasi dengan orang asing dalam Bahasa Arab. Hal ini kerana komunikasi tidak memerlukan kepada perkataan Bahasa Arab fusha dan ianya lebih mudah difahami dengan bantuan bahasa tubuh. Hasil dapatan ini disokong berdasarkan kajian oleh Midlane (2015) yang mendapati bahawa majoriti pelajar menggunakan kamus ketika di dalam penulisan berbanding ketika berkomunikasi. Selain daripada itu, hasil dapat ini juga disokong oleh kajian yang dibuat oleh Hartmann (2001), beliau menyatakan bahawa kamus digunakan lebih banyak dalam tugas membaca daripada aktiviti lisan.

JENIS PERKATAAN DALAM BAHASA ARAB YANG SERING DILIHAT OLEH PELAJAR DALAM KAMUS DALAM TALIAN

Didapati bahawa kebanyakan responden menggunakan kamus elektronik ketika mencari makna sebarang perkataan Bahasa Arab yang penting untuk tugas yang mereka sedang laksanakan. Keperluan mendesak merupakan antara pendorong terkuat untuk pelajar menggunakan kamus dengan sebaiknya dalam menyelesaikan tugas mereka. Begitu juga perkataan Bahasa Arab yang sering digunakan serta perkataan akademik merupakan jenis perkataan yang kerap responden cari di dalam kamus elektronik. Hal ini menunjukkan bahawa bukan kesemua perbendaharaan kata Bahasa Arab telah dihafal oleh responden dan memerlukan untuk merujuk kepada kamus elektronik. Namun demikian, perkataan teknikal adalah perkataan yang paling jarang dicari oleh responden di dalam kamus elektronik. Hal ini kerana perkataan-perkataan teknikal dalam Bahasa Arab adalah perbendaharaan kata khusus untuk orang yang mempunyai tujuan atau kepentingan di dalam bidang tersebut. Seperti sedia maklum, responden terdiri daripada pelajar yang berlatar belakangkan pengajian Bahasa Arab umum dan tidak khusus kepada sebarang bidang teknikal.

SEBAB-SEBAB PELAJAR SERING MENGGUNAKAN KAMUS DALAM TALIAN

Terdapat beberapa sebab dimana pelajar sering menggunakan kamus elektronik dalam kehidupan harian mereka. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa faktor terbesar yang mendorong pelajar menggunakan kamus adalah untuk mencari makna perkataan Bahasa Arab yang mereka tidak ketahui. Perkara ini merupakan perkara kebiasaan bagi pelajar menggunakan kamus untuk mengetahui makna perkataan yang mereka tidak ketahui dengan tepat dan mudah. Ini juga merupakan proses pembelajaran di mana akan bertambahnya perbendaharaan kata Bahasa Arab yang baru untuk pelajar sentiasa ingat. Faktor yang kedua adalah untuk memeriksa kesahihan makna Bahasa Arab. Kebanyakan responden sudah mengetahui akan makna perkataan Bahasa Arab, namun masih terdapat sedikit keraguan tentang ketepatan makna perkataan itu berdasarkan hafalan mereka. Justeru, faktor tersebut merupakan pendorong kedua terbesar bagi memastikan kesahihan makna perkataan berdasarkan hafalan responden. Selain tu, responden juga menggunakan kamus elektronik untuk memeriksa ejaan Bahasa Arab yang betul. Perkara ini juga merupakan faktor ketiga

terbesar responden di mana responden sudah sedia maklum akan penggunaan dan makna bagi perkataan Bahasa Arab itu. Namun, sesetengah ejaan perkataan Bahasa Arab agak mengelirukan dan memerlukan pengguna untuk merujuk kepada kamus bagi mengenal pasti ejaan yang tepat. Namun demikian, responden amat jarang dalam mencari perkataan berlawanan dalam Bahasa Arab menggunakan kamus elektronik.

ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN SEBAB DALAM MENGGUNAKAN KAMUS ELEKTRONIK DI ANTARA PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN DAN PELAJAR FAKULTI ILMU WAHYU.

Seperti sedia maklum bahawa kamus elektronik adalah sangat penting, terutama bagi pelajar yang belajar dalam bidang bahasa asing untuk penutur asli. Oleh itu, kedua-dua fakulti ini memerlukan kamus elektronik untuk membantu mereka memahami pelajaran. Melihat hasil soal selidik, para penyelidik menekankan bahawa terdapat perbezaan yang sangat kecil dan masih tidak signifikan secara statistik. Oleh yang demikian, penyelidik bersetuju dengan kesimpulan bahawa tidak ada perbezaan antara pelajar di Fakulti Pendidikan dan pelajar di Fakulti Ilmu Wahyu dari segi sebab penggunaan kamus elektronik. Ini dapat dijelaskan oleh fakta bahawa kedua-duanya pakar dalam pengajaran bahasa Arab, dan terdapat banyak kata dan kosa kata yang sukar. Majoriti dari mereka menggunakan kamus elektronik untuk mencari makna perkataan yang tidak diketahui dalam bahasa Arab.

KESIMPULAN

Ilmu pengetahuan khususnya kepelbagaian perbendaharaan kata amatlah penting untuk mempelajari bahasa asing. Pada masa lalu, bahan yang paling berguna dalam membantu mempelajari perbendaharaan kata adalah kamus traditional. Namun, pada zaman serba canggih kini, internet telah mengambil alih dan telah mempengaruhi ke atas pelajar dalam mempelajari bahasa asing khususnya Bahasa Arab. Kamus elektronik ini dicipta bagi memudahkan pelajar mencari perbendaharaan kata kerana lebih pantas dan senang. Oleh demikian, kebanyakan pelajar menggunakan kamus elektronik lebih kerap berbanding kamus traditional. Penyelidik menyimpulkan bahawa pelajar di Fakulti Pendidikan dan Fakulti Ilmu

Wahyu menggunakan kamus elektronik untuk mendapatkan banyak jenis aktiviti dan pelbagai jenis kata dalam bahasa Arab. Terdapat juga sebab utama mengapa pelajar sering menggunakan kamus elektronik ini. Kajian ini amat berguna untuk guru yang mengajar bahasa asing khususnya Bahasa Arab bagi membiasakan pelajar mereka menggunakan kamus elektronik dalam mencari perbendaharaan kata Arab.

BIBLIOGRAFI

Hartmann, R. R. K. (2001). Teaching and researching lexicography. Malaysia: Pearson Education.

Midlane, V. (2005). Students' use of portable electronic dictionaries in the EFL/ESL classroom: A survey of teacher attitudes. Unpublished Master's dissertation, University of Manchester. Retrieved from <http://www.bankgatetutors.co.uk/PEDs.pdf>